BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sorotan Bulanan
Julai 2019

Inflasi keseluruhan menurun sedikit pada bulan Julai



- Inflasi keseluruhan menurun sedikit pada bulan Julai kepada 1.4% (Jun: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada kos elektrik yang lebih tinggi pada bulan Julai 2018 susulan pelarasan tarif elektrik yang dibuat dua kali pada tahun itu.

- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.5% pada bulan Julai (Jun: 1.5%).

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perdagangan borong dan runcit meningkat sederhana pada bulan Jun



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit (*Index of Wholesale and Retail Trade*, IOWRT) meningkat sederhana pada bulan Jun (6.4%; Mei: 6.7%), sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam segmen kenderaan bermotor apabila segmen itu mula kembali ke paras yang wajar berikutan kenaikan yang disebabkan oleh pelepasan cukai pada bulan Jun 2018.

- Sementara itu, segmen borong dan runcit mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Hal ini mencerminkan aktiviti penggunaan yang berdaya tahan dan pengagihan borong yang mampan.

Pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi



- Pembiayaan bersih[1] meningkat 5.6% pada bulan Julai (Jun: 5.9%). Bon korporat terkumpul mencatatkan pertumbuhan yang mampan pada 10.3% (Jun: 10.6%). Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 4.7% (Jun: 4.9%) manakala pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 2.5% (Jun: 3.4%).

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat kepada RM102.4 bilion (Jun: RM94.8 bilion), lebih tinggi daripada purata bulanan yang pernah dicatatkan sebelum ini. Pengeluaran pinjaman yang berterusan ini merangkumi segmen isi rumah dan perniagaan, termasuk PKS.

[1] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Sorotan Bulanan
Julai 2019

Prestasi pasaran kewangan domestik pada bulan Julai didorong oleh faktor luaran

Prestasi Pasaran Kewangan



- Ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Julai. Penambahan nilai ini didorong terutamanya oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kesanggupan pelabur mengambil lebih risiko berikutan meningkatnya jangkaan bahawa kadar faedah akan dikurangkan oleh Federal Reserve AS. Akibatnya, kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 5.0 mata asas.

- Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik menurun apabila sentimen pelabur terhadap ekuiti serantau, termasuk Malaysia, terjejas disebabkan oleh rundingan perdagangan global yang semakin tidak pasti. Sejajar dengan pasaran ekuiti serantau, FBM KLCI menyusut 2.2%.

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

Nisbah Mudah Tunai Sistem Perbankan dan Nisbah Pendanaan Sistem Perbankan



- Nisbah perlindungan mudah tunai (*liquidity coverage ratio*, LCR) sistem perbankan berada pada 155.4%[1] pada bulan Julai (Jun: 153.0%).

- Profil pendanaan bank-bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 82.3% dan 71.8%.

[1] *Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.*

Sumber: Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

Ref. No.: 08/19/16

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1500 hari Jumaat, 30 Ogos 2019

SOROTAN BULANAN – JULAI 2019

Inflasi keseluruhan menurun sedikit pada bulan Julai

- Inflasi keseluruhan menurun sedikit pada bulan Julai kepada 1.4% (Jun: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada kos elektrik yang lebih tinggi pada bulan Julai 2018 susulan pelarasan tarif elektrik yang dibuat dua kali pada tahun itu.
- Tidak termasuk kesan perubahan dasar cukai penggunaan, inflasi teras[1] tidak berubah pada 1.5% pada bulan Julai (Jun: 1.5%).

Perdagangan borong dan runcit meningkat sederhana pada bulan Jun

- Indeks Perdagangan Borong dan Runcit (*Index of Wholesale and Retail Trade*, IOWRT) meningkat sederhana pada bulan Jun (6.4%; Mei: 6.7%), sebahagian besarnya disebabkan oleh penurunan dalam segmen kenderaan bermotor apabila segmen itu mula kembali ke paras yang wajar berikutan kenaikan yang disebabkan oleh pelepasan cukai pada bulan Jun 2018.
- Sementara itu, segmen borong dan runcit mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi. Hal ini mencerminkan aktiviti penggunaan yang berdaya tahan dan pengagihan borong yang mampan.

Pembiayaan terus menyokong aktiviti ekonomi

- Pembiayaan bersih[2] meningkat 5.6% pada bulan Julai (Jun: 5.9%). Bon korporat terkumpul mencatatkan pertumbuhan yang mampan pada 10.3% (Jun: 10.6%). Pinjaman isi rumah terkumpul meningkat 4.7% (Jun: 4.9%)

[1] Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir. Pengiraannya juga tidak termasuk anggaran kesan langsung perubahan dasar cukai.
[2] Pembiayaan bersih merujuk pinjaman terkumpul sistem perbankan [kecuali institusi kewangan pembangunan (IKP)], dan bon korporat terkumpul.

manakala pertumbuhan pinjaman perniagaan terkumpul menurun kepada 2.5% (Jun: 3.4%).

- Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan meningkat kepada RM102.4 bilion (Jun: RM94.8 bilion), lebih tinggi daripada purata bulanan yang pernah dicatatkan sebelum ini. Pengeluaran pinjaman yang berterusan ini merangkumi segmen isi rumah dan perniagaan, termasuk PKS.

Prestasi pasaran kewangan domestik pada bulan Julai didorong oleh faktor luaran

- Ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada bulan Julai. Penambahan nilai ini didorong terutamanya oleh aliran masuk bukan pemastautin ke dalam pasaran bon. Hal ini disebabkan terutamanya oleh kesanggupan pelabur mengambil lebih risiko berikutan meningkatnya jangkaan bahawa kadar faedah akan dikurangkan oleh Federal Reserve AS. Akibatnya, kadar hasil MGS 10 tahun menurun sebanyak 5.0 mata asas.
- Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti domestik menurun apabila sentimen pelabur terhadap ekuiti serantau, termasuk Malaysia, terjejas disebabkan oleh rundingan perdagangan global yang semakin tidak pasti. Sejajar dengan pasaran ekuiti serantau, FBM KLCI menyusut 2.2%.

Bank-bank mengekalkan mudah tunai yang mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan dan memenuhi keperluan yang mendesak

- Nisbah perlindungan mudah tunai (*liquidity coverage ratio*, LCR) sistem perbankan berada pada 155.4%[3] pada bulan Julai (Jun: 153.0%).
- Profil pendanaan bank-bank kekal stabil. Nisbah pinjaman kepada dana serta nisbah pinjaman kepada dana dan ekuiti masing-masing berada pada 82.3% dan 71.8%.

Bank Negara Malaysia
30 Ogos 2019

[3] Basel III LCR dilaksanakan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa 2019. Pada 1 Januari 2019, keperluan minimum ditetapkan pada 100%.

Diterbitkan oleh:
Jabatan Komunikasi Strategik, Tingkat 14, Blok B, Bangunan Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur, Malaysia.
Telefon: +60(3) 2698 8044 Faksimili: +60(3) 2693 6919
Web: www.bnm.gov.my